

# 12 rakyat kita selamat

Berita Harian 02/10/2010 MIS 1

- Tak cedera, kini ditahan tentera Israel di Haifa
- Malaysia minta bantuan negara ketiga bawa pulang

Oleh Sazarina Shahrin  
sazarina@bharian.com.my

**S**EPANG: Semua 12 rakyat Malaysia yang berada dalam kapal *Mavi Marmara* yang diserang komando Israel ketika misi menghantar bantuan kemanusiaan ke Gaza, kelmarin, disahkan selamat dan kini ditahan di negara itu.

Menteri Luar, Datuk Anifah Aman, turut mengesahkan tidak ada warga Malaysia yang cedera dalam serangan itu.

LIHAT MUKA 8

● Lagi berita di muka  
8, 9, 10, 33, 34



AKTIVIS keamanan Turki, Nilufer Cetin bersama anaknya Turker Kaan Cetin tiba di Istanbul, semalam selepas dibebaskan tentera Israel yang bertindak menyerang kapal *Mavi Marmara*, kelmarin.

# Negara sahabat sedia bantu bebas tahanan

Berita Harian

02/06/2010

MIS 8

DARI MUKA 1

“Kita sedang berusaha mendapatkan maklumat lanjut mengenai keadaan mereka dan tempat sebenar mereka ditahan kerana maklumat terakhir yang kita ketahui, kapal *Mavi Marmara* dibawa ke Pelabuhan Haifa, Israel.

“Beberapa negara seperti Jordan, Turki, Filipina dan Ireland yang mempunyai hubungan dengan Israel bersedia membantu kita membawa pulang 12 rakyat Malaysia itu secepat mungkin,” katanya pada sidang media di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sejurus tiba dari Singapura selepas menghadiri Mesyuarat Menteri Luar

Asean - Majlis Kerjasama Negara-Negara Teluk (GCC), semalam.

Anifah juga menjelaskan angka rasmi rakyat Malaysia yang berada dalam *Mavi Marmara* sebenarnya 12 orang dan bukan 11 seperti yang dilaporkan sebelum ini.

Beliau berkata, seorang lagi rakyat Malaysia yang berada dalam kapal itu ialah Mustafa Mansur dari Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia.

Menurut laporan semalam, 11 rakyat Malaysia termasuk sembilan sukarelawan Misi Lifeline 4 Gaza (LL4G) dan dua krew televisyen Astro Awani berada dalam kapal itu.

Anifah berkata, enam lagi

rakyat Malaysia yang menaiki kapal utama *Rachel Corrie* juga berada dalam keadaan selamat dan kini dilaporkan sudah bertolak dari Malta menuju ke perairan Gaza.

Beliau berkata, mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi 03-88874570 yang dibuka 24 jam.

Anifah juga berkata, Malaysia akan menghantar nota bantahan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) atas tindakan rejim Israel itu dan mahu supaya siasatan bebas secara menyeluruh dilakukan.

Katanya, Malaysia kecewa dengan Majlis Keselamatan PBB yang masih tidak mengutuk serangan rejim Israel ter-

hadap kapal *Mavi Marmara* dari Turki yang membawa aktivis kemanusiaan ke Gaza.

“Malaysia mahu Israel segera membebaskan semua tahanan dan kapal terbabit dan Resolusi 1860 dipatuhi oleh Israel supaya membuka laluan bagi penghantaran bantuan kemanusiaan ke Gaza,” katanya.

Anifah menegaskan serangan di perairan antarabangsa menggambarkan rejim haram Israel tidak menghormati langsung undang-undang antarabangsa.

Beliau turut membaca kenyataan bersama Menteri Luar Asean dan GCC yang dikeluarkan di Singapura semalam yang mengutuk keras tindakan rejim Israel terhadap konvoi kemanusiaan itu.